



**PENAMBAHBAIKAN**  
**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**MENGENAI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN TAHAP 2**  
**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA**

**PENAMBAHBAIKAN SUSULAN PEWARTAAN P.U.(A) 112 YANG DIWARTAKAN**  
**PADA 2 APRIL 2020 KEPADA SOALAN LAZIM No. 2 dan No. 3**

2. **Apakah terdapat sektor tambahan yang dibenarkan beroperasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan Tahap 2 (PKP 2) susulan pewartaan P.U.(A)112 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.2) (Pindaan) 2020?**

Susulan pewartaan P.U.(A)112 yang berkuatkuasa pada 3 April 2020, senarai perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi semasa PKP Tahap 2 adalah seperti berikut:

1. Makanan
2. Air
3. Tenaga
4. Komunikasi dan Internet
5. Keselamatan dan Pertahanan
6. Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Pembetulan
7. Penjagaan Kesihatan dan Perubatan termasuk Penokok Diet
8. Perbankan dan Kewangan
9. E-dagang
10. Pengangkutan melalui darat, air atau udara
11. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo, dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi

12. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir
  13. Hotel dan penginapan
  14. Apa-apa perkhidmatan atau kerja yang ditentukan oleh Menteri sebagai penting bagi atau kritikal kepada kesihatan atau keselamatan awam
  15. Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu
- 3. Perkhidmatan perlu (*essential services*) lain seperti penyiaran, media, pos, bomba, penjara, imigresen dan kastam tiada dalam 15 perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi semasa PKP 2. Begitu juga halnya dengan perkhidmatan stesen minyak. Adakah semua perkhidmatan ini tidak beroperasi sepanjang tempoh PKP Tahap 2?**

Kesemua perkhidmatan perlu (*essential services*) yang disenaraikan semasa PKP masih dibenarkan beroperasi tetapi waktu operasinya diperketatkan. Beberapa perkhidmatan yang tidak tersenarai telah dikategorikan dalam kategori baru sebagai contoh; penyiaran, pos, media dikategorikan dalam kategori Komunikasi. Manakala bomba, penjara, imigresen dan kastam adalah dalam kategori Keselamatan dan Pertahanan. Bagi perkhidmatan stesen minyak pula, ia adalah di bawah kategori tenaga.

**Catatan: Sebarang perubahan terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.**

**MAJLIS KESELAMATAN NEGARA  
3 APRIL 2020**